



Sebelum ↑

Selepas ↓



Tragedi Boston 1919

Mei 2007

Pada 15 Januari tahun 1919, orang ramai di utara Boston, Massachusetts mendengar suatu dentuman yang kuat yang disebabkan oleh sebuah tangki yang mengandungi 2.3 juta gallon (8700m³) “molasses” pecah. “Molasses” ialah sejenis bahan sisa kilang yang bukan toksik. Letupan itu telah menyebabkan arus “molasses” yang berukuran lebih kurang 15 kaki (5m) tinggi and 160 kaki (50m) lebar menyelubungi jalanraya yang berhampiran. Arus deras tersebut dianggarkan telah bergerak dengan kelajuan 35 batu per jam (60 km/jam). Peristiwa ini telah mengorbankan 21 nyawa, dan menyebabkan 150 orang mengalami kecederaan. Kerugian telah dianggarkan melebihi 100 juta US dollar.

Apakah punca kejadian ini? Punca-punca yang dikenalpasti selepas penyiasatan insiden ini adalah seperti berikut:

- Tangki tidak diperiksa dengan rapi di fasa pembinaan
- Tangki tidak diuji selepas selesai dibina dan sebelum diisi dengan “molasses”
- Kebocoran pernah dilaporkan pada sambungan kimpalan plat logam, tetapi tiada tindakan diambil

Tahukah Anda?

- Anda mungkin menyangka bahawa satu peristiwa yang berlaku 80 tahun dahulu adalah tidak relevan kepada zaman industri kini. Tetapi, kita masih mengalami kegagalan tangki simpanan yang serius dengan alasan yang sama.
- Satu kuantiti cecair yang besar seperti air atau “molasses” boleh mendatangkan bahaya jika dilepaskan secara mendadak dalam kuantiti yang besar. Ini disebabkan oleh jisim dan isipadu cecair tersebut.

Apa yang boleh Anda Lakukan?

- Jika anda perhatikan satu kebocoran atau indikasi yang berpotensi kegagalan tangki simpanan, anda harus laporkan kepada pihak pengurusan.
- Pastikan bahawa setiap tangki baru diperiksa dan diuji sebelum pengisian tangki dilakukan.
- Pastikan bahawa anda tahu kapasiti operasi tangki anda dan periksa tangki tersebut secara terperinci sebelum pengisian tangki dilakukan.
- Jangan buang laporan-laporan tentang kemalangan tangki yang lampau. Baca kembali dan ingatlah punca-punca akan sebab berlakunya kemalangan tersebut. Kita boleh pelajari daripada kemalangan yang telah berlaku dahulu.



Januari 1988 – Floreffe, Pennsylvania, USA, kegagalan tangki diesel telah menyebabkan Sungai Monongahela dicemari oleh lebih daripada 4 juta gallon (US) (15,000m³) minyak diesel.

Januari 2000 – Cincinnati, Ohio, USA, Kegagalan tangki telah menyebabkan Sungai Ohio dicemari oleh 365,000 gallon (1400 m³) larutan baja.



Sentiasa ambil iktibar daripada tragedi lampau!

Penerbitan semula tidak digalakkan untuk tujuan komersial, tetapi digalakkan untuk tujuan pendidikan. Walaubagaimanapun, terbitan semula untuk jualan selain daripada CCPS adalah dilarang sama sekali. Hubungi kami di ccps_beacon@aiche.org atau 212-591-7319. This document has been translated by Trident Consultants Far East Sdn. Bhd. Tel.:+603-21613326.

The Beacon is usually available in Chinese, Danish, Dutch, English, French, German, Gujarati, Hebrew, Hindi, Italian, Japanese, Korean, Malay, Persian, Portuguese, Spanish, Swedish, and Thai.